
Title	Uchapan Ketua 1 di majlis diskusi nobel
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1964 Muhammad Ariff bin Ahmad

mas/asas/11.1.64

uchapan ketua 1 di majlis diskusi nobel
=====:

Hadirin yang mulia,

Bagi pihak anggota2 Angkatan Sasterawan '50, saya mengalu-alukan kedatangan tuan2 sekalian kemajlis ini. Disamping mengalu-alukan tuan2 saya pohonkan ber-banyak2 maaf kerana tidak dapat melafadzkan sendiri ucapan ini. Dalam pada itu saya rasa tidaklah apa kurang-nya, bila saya minta saudara Masuri – pengerusi majlis ini yang kebetulan dia ialah ketua 2 Asas '50 – untuk menyampaikan ucapan ini.

Sudah menjadi tujuan yang tersebut dalam undang2 tubuh Angkatan Sasterawan '50: untuk mengadakan pengajian yang mendalam berkenaan dengan perkembangan kesusasteraan dan kebudayaan Melayu, dari semasa ke semasa. Adalah menjadi tujuan kita juga hendak mempelajari sesuatu ciptaan, serta menchipta sesuatu yang baru dan segar untuk memupuk dan menyuburkan kesusasteraan kita.

Dari semenjak Angkatan Sasterawan dilahirkan pada 6 haribulan Ogos 1950 dan disahkan pendaftarannya oleh kerajaan Singapura pada 22 haribulan Jun, 1951., Asas '50 telah mula mengkaji beberapa masalah kesusasteraan, sama ada dengan tenaga peribadi anggota2nya maupun dengan tenaga sekutu sebagai sebuah pertubuhan.

Berbimbing tangan dengan Lembaga Bahasa Melayu, pada tahun2 1952, 1953, 1954, Angkatan Sasterawan '50 telah memberikan banyak cheramah kesusasteraan melalui Radio Malaya di Singapura.

Antara anggota Asas '50 telah banyak membinchangkan masalah kesusasteraan Melayu, kemudian membuat laporan, mengemukakan memoranda kepada kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan menyediakan kertaskerja2 kepada kongres2 bahasa di Tanah Melayu dan di Indonesia.

Perkara yang paling hangat dibinchangkan – mungkin pembacha2 yang tua atau lama pernah mengikutinya – iaitu perbinchangan tentang faham 'seni untuk seni' dan 'seni untuk masharakat'. Dan.....kerana pegangan yang terlalu kuat terhadap fahaman masing2, apalagi pada masa itu kami anggota2 Asas '50 maseh muda benar – bayangkanlah betapa mudanya saya pada 10 tahun dulu – akhirnya, pada 17 haribulan April 1954 itu, Saudara Hamzah, pelopor kawan2 yang berpegang kepada fahaman seni untuk seni telah menubuhkan Angkatan Persuratan Melayu Baru. Meshuarat penubuhan itu dibuat pada hari itu di bangunan Jamiyah Daawatul Islamiyah, di Lorong 12 Geylang; manakala saya dan

penganut2 fahaman seni untuk masyarakat yang lain, sedang mengikuti Kongres kedua Sahabat Pena di Tung Lin School di Katong Besar.

Memandang bahwa perbinchangan2 yang jujur itu mengakibatkan perpechahan antara rakan2 seangkatan, kami rentikan sementara majlis2 perbinchangan atau diskusi itu. Dan, pemberhentian sementara itu rupanya, menyebabkan keritus2 sastera menganggap Asas '50 ini lumpuh. Kesibokan2 menyelenggarakan kongres2 yang menggunakan banyak tenaga anggota kita pula menguatkan lagi kepercayaan orang tentang kelumpuhan Angkatan Sasterawan '50.

Tetapi, dalam peroses kedewasaan kami, kami merasakan bahwa pengalaman itu menambahkan pengetahuan. Dan, dalam kesedaran itu kami mulakan pula usaha2 yang kami berhentikan itu. Bekerjasama dengan Lembaga Tetap Kongres di Singapura, Asas '50 telah mengadakan simposium2 kesusasteraan.

Dalam dua simposium yang telah diadakan itu dua kemenangan telah kami chapai serentak, iaitu: pertama = kami sedar bahwa peminat2 kami sangat ramai walaupun anggota kami sebenarnya hanya sejumlah 44 orang; dan kedua = dalam simposium pada 31 haribulan March 1962 dulu Saudara Hamzah, pemimpin Angkatan Persuratan Melayu Baru, telah menyatakan bahwa tidak mustahil anggota2nya akan rujok kepada Asas '50 kembali.

Kenyataan perkataan Hamzah itu telah terbukti: pada malam ini saudara2 hadirin dapat menyaksikan dua tokoh Angkatan Persuratan Melayu bru ini – Hamzah, pemimpin APAM BARU dan Rosmera, bekas Setiausaha 1 APAM BARU – ke-dua2nya telah menyumbangkan tenaga dan fikiran yang bukan sedikit untuk menjayakan beberapa renchangan kita. Kenyataan yang lebih tegas ialah, saudara Rosmera, sekarang telah rujok dan menjadi anggota Asas '50 menurut undang2 perlembagaan kita yang sah.

Hadirin yang mulia,

Pada malam ini kita akan binchangkan pula masalah penobelan yang khusus. Pada malam ini kita akan berbinchang khas mengenai nobel TAK ADA JALAN KELUAR, karya Suratman Markasan, seorang anggota Angkatan Sasterawan '50. Dan di lain masa kita akan terus-menerus mengadakan diskusi2 nobel yang serupa ini. Saudara2 hadirin sekalian akan sentiasa kita ajak berbinchang begini supaya dapat kita menggalakkan penulis2 nobel kita menaikkan mutu penulisannya. Mudah2an tuan2 tidak akan merasa jemu memberikan sumbangan yang wajar untuk memupuk dan menyuburkan kesusasteraan kita, khususnya mengenai perkembangan penulisan nobel kita.

Sebelum majlis perbincangan kita malam ini dimulakan, saya rasa ada baiknya saya lengkapi ucapan pembuka ini dengan mengucapkan ber-banyak2 terimakasih kepada Gurubesar, guru2 serta pegawai2 di Kementerian kerana membenarkan kita menggunakan dewan Sekolah Menengah Tun Seri Lanang ini menjadi tempat kita membincangkan masalah kesusasteraan pada malam ini.

Kepada penerbit Marican & sons, kita mengucapkan terimakasih yang tidak terhingga kerana membiayai semua belanja2 kita mengadakan majlis perbincangan ini, iaitu daripada menghadihkan buku2nya untuk menyemakan dan ulasan para pembicara kita malam ini sampailah kepada belanja mengadakan kertaskerja, minuman, menyewa pembesar suara dan lain2.

Kepada penerbit Ghani & sons pula kami mengucapkan berbanyak2 terimakasih kerana membenarkan kami menggunakan pejabatnya untuk menjalankan segala urusan menyelenggarakan perkara2 yang bersangkutan paut dengan majlis ini.

Akhirnya, terimakasih banyak saya ucapkan kepada sekalian hadhirin yang telah melapangkan masanya untuk menyertai majlis perbincangan pada malam ini. Saya sedar dengan tidak adanya saudara2 dan tuan2 sekalian majlis ini tidak akan semeriah ini, mungkin tidak akan menchapai apa2 kejayaan pun.

Dan sekarang, saya serahkanlah majlis ini kepada pengerusi majlis supaya menjalankan achara2 perbincangan. Mudah2an dengan kebijaksanaannya, serta dengan kerjasama tuan2 sekalian kita akan menchapai sesuatu yang berguna.

Sekian. Terimakasih dan selamat berbinchang!

Muhammad Ariff Ahmad (Mas)
Ketua Satu Asas '50.

11 hb. Januari, 1964.